BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Pen: 11/04/28 (BN)

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 1800 pada hari Selasa, 30 November 2004

Perkembangan Ekonomi dan Kewangan Malaysia pada Suku Ketiga 2004

TINJAUAN

Pertumbuhan kekal menggalakkan

Berikutan pertumbuhan yang kukuh selama dua suku berturut-turut pada kadar purata 8%, KDNK benar Malaysia terus mencatat pertumbuhan yang menggalakkan sebanyak 6.8% pada suku ketiga 2004. Pertumbuhan didorong terutamanya oleh sektor swasta, dengan sektor awam terus komited dengan konsolidasi fiskal. Pengembangan permintaan dalam negeri didorong terutamanya oleh penggunaan isi rumah yang lebih kukuh dan aktiviti pelaburan swasta yang mapan. Namun demikian, pengembangan yang sederhana dalam penggunaan awam pada suku ini menyumbang sedikit kepada pertumbuhan.



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor ekonomi utama, iaitu perkilangan, perkhidmatan dan komoditi utama terus menjana pertumbuhan. Sektor perkilangan terus mencatat pengembangan yang kukuh, disokong oleh permintaan dari dalam dan luar negeri. Pertumbuhan sektor perkhidmatan pula terus mapan disebabkan oleh aktiviti penggunaan serta aktiviti yang berkaitan dengan pelancongan dan perdagangan yang kukuh. Sementara itu, sektor komoditi utama mencatat pertumbuhan yang lebih mantap hasil daripada peningkatan dalam pengeluaran, terutamanya pengeluaran komoditi-komoditi utama. Prestasi sektor pembinaan yang lebih lemah disebabkan terutamanya oleh aktiviti subsektor kejuruteraan awam yang berkurangan.

Pengeluaran sektor perkilangan terus berkembang sebanyak 11.5% pada suku ketiga. Pertumbuhan dalam sektor berorientasikan eksport, dengan elektronik dan elektrik (E & E) mencakupi bahagian sebanyak 33%, kekal tinggi pada 12.3% (S2 2004: 18.2%), dengan pertumbuhan dalam keluaran elektronik meningkat sebanyak 26.3% (S2 2004: 33%). Prestasi kelompok industri keluaran kimia terutamanya plastik dan resin, terus tumbuh seiring dengan industri elektronik. Sementara itu, pertumbuhan industri berorientasikan pasaran dalam negeri bertambah kukuh kepada 8.8% (S2 2004: 7.5%), disokong terutamanya oleh peningkatan pengeluaran industri

keluaran logam yang direka, industri minuman serta industri kelengkapan pengangkutan.

Pertumbuhan sektor perkhidmatan berkembang sebanyak 6.1% pada suku ketiga (S2 2004: 7.8%) mencerminkan penggunaan yang kukuh serta peningkatan dalam aktiviti berkaitan dengan pelancongan dan perdagangan. Subsektor perkhidmatan akhir berkembang sebanyak 6%, sementara segmen perkhidmatan pengantara tumbuh sebanyak 6.2%. Pertumbuhan perkhidmatan akhir didorong terutamanya oleh subsektor perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel ekoran sentimen pengguna yang bertambah baik dan jumlah ketibaan pelancong yang tinggi. Kajian oleh Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) bagi suku ketiga menunjukkan Indeks Sentimen Pengguna bertambah 1.5 mata berbanding dengan suku sebelumnya (kepada 113.9 mata), sementara penunjuk yang lain seperti import barangan penggunaan, jualan kereta penumpang, kredit penggunaan dan pinjaman yang diluluskan dan dikeluarkan kepada isi rumah serta segmen borong, runcit, restoran dan hotel, kekal kukuh dan terus mencatat pertumbuhan yang tinggi. Pengembangan segmen perkhidmatan pengantara disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan dalam aktiviti yang berkaitan dengan perdagangan dan pembangunan sektor, seperti yang dicerminkan oleh pengembangan yang mapan dalam subsektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi (pengangkutan), serta subsektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan (kewangan). Sementara subsektor pengangkutan mendapat faedah daripada aktiviti urus niaga yang meningkat dan bilangan ketibaan pelancong yang tinggi pada suku ini, pertumbuhan dalam subsektor kewangan pula telah didorong oleh pertumbuhan pinjaman yang tinggi dan aktiviti insurans yang teguh sejajar dengan pengembangan dalam aktiviti ekonomi dalam negeri.

Pertumbuhan dalam sektor pertanian dan perlombongan lebih kukuh masing-masing meningkat kepada 6.1% dan 4.2% pada suku ketiga (S2 2004: 3.6% dan 1.2%). Pertumbuhan dalam sektor pertanian adalah menyeluruh, didorong terutamanya oleh pengeluaran yang lebih tinggi bagi minyak sawit, getah, dan perhutanan, serta pelbagai pertanian lain termasuk

perikanan serta sayur-sayuran dan buah-buahan. Pertumbuhan sektor perlombongan pula didorong secara keseluruhan oleh peningkatan pengeluaran minyak mentah, memandangkan pengeluaran gas asli merosot. Sementara itu, sektor pembinaan merosot sebanyak 3% (S2 2004: -1.7%), disebabkan oleh aktiviti dalam subsektor kejuruteraan awam yang lebih rendah. Ini, bagaimanapun, telah diimbangi sebahagiannya oleh pertumbuhan yang mapan dalam segmen kediaman dan bukan kediaman.

Pada suku ketiga, sektor swasta terus menjadi peneraju utama kepada permintaan dalam negeri dalam suasana konsolidasi fiskal sektor awam yang berterusan. Pengembangan permintaan dalam negeri didorong terutamanya oleh penggunaan isi rumah yang lebih kukuh serta aktiviti pelaburan swasta yang mapan. Penggunaan swasta meningkat dengan nyata sebanyak 10.8% disokong oleh peningkatan yang mapan dalam pendapatan boleh guna berikutan perolehan eksport yang lebih tinggi dan harga komoditi yang menggalakkan, keadaan guna tenaga yang stabil, inflasi yang rendah serta kadar faedah yang rendah.

Pembentukan modal tetap kasar terus meningkat sebanyak 3.2% (S2 2004: 3.5%), disokong terutamanya oleh aktiviti pelaburan swasta yang mapan berikutan perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan yang terus berkurangan. Pengurangan dalam perbelanjaan tersebut telah menyebabkan penurunan defisit fiskal kepada 1.3% daripada KDNK pada suku ketiga. Pertumbuhan dalam pelaburan swasta, yang pulih semenjak suku ketiga 2003, adalah lebih tinggi disebabkan terutamanya oleh penggunaan kapasiti yang lebih tinggi, dengan beberapa industri beroperasi hampir pada kapasiti penuh. Tahap penggunaan kapasiti yang tinggi bersama-sama dengan keuntungan korporat yang bertambah baik serta keadaan pembiayaan yang menggalakkan telah mendorong pelaburan dalam projek baru di samping peningkatan pelaburan dalam jentera dan kelengkapan untuk tujuan mempertingkatkan kapasiti. Penunjuk pelaburan swasta yang utama, iaitu kelulusan dan pengeluaran pinjaman kepada perniagaan dan sektor pembinaan, import barangan modal dan jualan kenderaan komersial jelas menunjukkan bahawa aktiviti pelaburan swasta

terus mapan. Keadaan ini turut disokong oleh Kajiselidik Keyakinan Perniagaan oleh MIER bagi suku ketiga, yang menunjukkan Indeks Keyakinan Perniagaan berada pada 110.2 mata, melebihi paras ambang 100 mata. Ini pada dasarnya mencerminkan pengembangan yang berterusan dalam sektor perkilangan. Pelaburan dalam negeri turut disokong oleh aliran masuk pelaburan langsung asing yang lebih tinggi, terutama ke sektor perkilangan, perkhidmatan serta minyak dan gas pada suku ketiga.

Pertumbuhan ekonomi Malaysia dicapai dalam suasana inflasi yang rendah dengan harga pengguna hanya meningkat sedikit kepada 1.5% pada suku ketiga (S2 2004: 1.2%). Sebaliknya, Indeks Harga Pengeluar menunjukkan trend yang meningkat pada suku tersebut, mencerminkan sebahagian besarnya harga komoditi yang lebih kukuh. Sementara itu, keadaan pasaran buruh terus stabil, disokong oleh peningkatan dalam produktiviti yang kekal mapan, seperti yang dicerminkan oleh pertumbuhan dalam nilai jualan benar bagi setiap pekerja dalam sektor perkilangan sebanyak 18.3%, yang jauh melebihi kenaikan 2% dalam upah benar bagi setiap pekerja.

Pada suku ketiga, kedudukan imbangan pembayaran Malaysia kekal teguh, dengan lebihan dagangan meningkat kepada RM22.7 bilion (S2 2004: RM18.1 bilion) hasil daripada pertumbuhan kukuh eksport kasar dan import kasar masing-masing sebanyak 26.9% dan 29.9% (S2 2004: 22% dan 32.1%). Pertumbuhan eksport didorong oleh pertumbuhan eksport barangan perkilangan dan galian yang lebih kukuh, sementara hasil eksport pertanian hanya meningkat dengan sederhana. Secara keseluruhan, jumlah yang di-eksport meningkat sebanyak 21.1% dan harga meningkat 6.5%. Sementara itu, harga eksport bagi beberapa komoditi utama yang penting, termasuk minyak mentah, gas asli cecair (LNG) dan getah adalah nyata lebih tinggi pada suku ketiga. Bahagian pasaran eksport ke rantau ini kekal tinggi pada 43.6%, sementara bahagian pasaran ke AS ialah 19.5%, dan ke EU, 11.7%.

Peningkatan kukuh dalam import kasar adalah menyeluruh. Import barangan pengantara yang mencakupi bahagian yang besar daripada jumlah import meningkat sebanyak 25.9% sejajar dengan perkembangan aktiviti ekonomi dalam negeri, terutamanya dalam sektor perkilangan. Antara input yang diimport yang mencatat peningkatan ketara ialah bekalan perindustrian, alat ganti perkakas elektrik serta bahan binaan. Import barangan modal juga lebih kukuh dengan peningkatan sebanyak 30.4%, sementara import barangan modal tidak termasuk barangan *'lumpy'* meningkat sebanyak 26.1%. Seiring dengan penggunaan swasta yang lebih tinggi, import barangan pengguna melonjak sebanyak 37.8% pada suku ketiga.

Dalam akaun kewangan, pelaburan langsung asing (FDI), pelaburan luar negeri dan pelaburan portfolio meningkat pada suku ketiga. Aliran masuk kasar FDI adalah lebih tinggi, iaitu sebanyak RM4.1 bilion dan disalur terutamanya kepada sektor perkhidmatan, perkilangan serta minyak dan gas. Aliran keluar kasar pelaburan luar negeri meningkat sekali ganda pada suku ketiga terutamanya oleh syarikat-syarikat dalam sektor perkhidmatan, minyak dan gas serta perkilangan. Pelaburan portfolio juga mencatat aliran masuk bersih pada suku ketiga sejajar dengan sentimen di bursa saham yang bertambah baik serta minat asing yang terus mapan dalam sekuriti hutang Malaysia. Hasil daripada aliran masuk FDI dan dana portfolio pada suku ketiga serta penghantaran balik perolehan eksport yang berterusan, kedudukan rizab antarabangsa meningkat ke paras RM231.4 bilion (AS$60.9 bilion) pada 12 November 2004. Paras rizab ini memadai untuk membiayai 7.5 bulan import tertangguh dan merupakan 5.6 kali hutang luar negeri jangka pendek. Berikutan kebimbangan tentang harga minyak yang dijangka terus meningkat dan kesannya ke atas ekonomi global, khususnya ekonomi AS, sentimen ke atas dolar AS merosot. Oleh itu, ringgit susut nilai berbanding dengan euro tetapi mencatat prestasi yang bercampur-campur berbanding dengan mata wang serantau.

Dasar monetari terus menyokong pertumbuhan

Pada suku ketiga, sektor kewangan terus menyokong pertumbuhan. Sejajar dengan permintaan yang kukuh daripada segmen perniagaan dan isi rumah, pembiayaan sektor swasta kasar melalui sistem perbankan dan pasaran modal meningkat pada kadar tahunan 7.5% kepada RM133.6 bilion. Jumlah ini lebih tinggi daripada paras yang dicatat pada dua suku tahunan sebelum ini dan mencerminkan pengeluaran pinjaman bank yang lebih banyak serta penerbitan PDS yang lebih tinggi. Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan jumlah PDS terkumpul meningkat pada kadar tahunan 8% pada akhir bulan September (8.2% pada akhir bulan Jun). Berbanding dengan suku kedua, kadar pertumbuhan bagi kebanyakan penunjuk pinjaman pada suku ketiga adalah lebih sederhana disebabkan sebahagiannya oleh kesan asas yang tinggi.

Jumlah pengeluaran pinjaman kepada perniagaan dan isi rumah pada suku ketiga masing-masing meningkat pada kadar tahunan 5% dan 11.3%. Pinjaman yang dikeluarkan kepada perniagaan disalurkan terutamanya kepada sektor perkilangan (37.4% daripada jumlah pengeluaran kepada sektor perniagaan) dan sektor borong, runcit, restoran dan hotel (25.8%). Dalam sektor perniagaan, pengeluaran pinjaman kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) meningkat pada kadar tahunan 12.8%. Sejumlah RM8.7 bilion diluluskan kepada 25,379 akaun PKS pada suku ketiga, iaitu peningkatan daripada RM8.4 bilion yang dikeluarkan kepada 22,161 akaun PKS pada suku kedua. Perkembangan penting pada suku ketiga ialah penubuhan Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan pada bulan Ogos bagi menyelaras inisiatif dasar dan untuk memastikan langkah-langkah pelaksanaan dasar yang efektif untuk membangunkan sektor ini.

Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk mereformasi struktur kewangan, tiga penggabungan antara bank perdagangan dengan syarikat kewangan telah dilaksanakan. Ini menyebabkan sedikit pelarasan teknikal ke atas kadar pinjaman asas (BLR) dan kadar pemberian pinjaman purata (ALR). Sungguhpun terdapat pelarasan tersebut, BLR purata bagi

kesemua bank perdagangan dan syarikat kewangan kekal stabil, masing-masing pada 5.98% dan 6.90% pada akhir bulan September.

Pada suku ketiga, pengembangan wang secara luas, M3, sebanyak 10.6% secara umumnya adalah hampir sama dengan kadar pertumbuhan yang dicatat pada suku kedua (10.7%). Dari segi nilai mutlak, M3 mencatat pengembangan suku tahunan yang lebih besar disebabkan aliran masuk dari luar negeri yang lebih tinggi hasil daripada penghantaran balik perolehan eksport, serta aliran masuk FDI dan dana portfolio. Peningkatan ini juga didorong oleh peningkatan yang mapan dalam tuntutan ke atas sektor swasta. Sementara itu, M1 mencapai kadar pertumbuhan tahunan dua angka seiring dengan perkembangan dalam aktiviti penggunaan swasta.

Sistem perbankan kekal teguh

Prestasi sistem perbankan kekal teguh pada suku ketiga dengan kualiti aset terus bertambah baik ketika aktiviti pemberian pinjaman berkembang. Di samping itu, tahap permodalan kekal kukuh meskipun terdapat sedikit kemerosotan, berikutan selesainya usaha penggabungan Bafin antara tiga buah bank perdagangan dengan tiga buah syarikat kewangan. Nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) dan nisbah modal teras (CCR) sistem perbankan masing-masing berada pada 13.8% dan 11.3% pada suku ketiga. Tahap permodalan sistem perbankan dijangka bertambah baik apabila mengambil kira keuntungan yang telah diaudit. Keuntungan sistem perbankan kekal menggalakkan dengan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM2.8 bilion dicatat pada suku ketiga berbanding dengan RM2.4 bilion pada suku yang sama tahun lepas.

NPL bersih berasaskan klasifikasi 6 bulan terus menjukkan trend menurun untuk mencakupi 6.1% daripada jumlah pinjaman bersih, iaitu paras terendah semenjak krisis Asia (S2 2004: 6.2%). Perkembangan yang menggalakkan ini disebabkan terutamanya oleh berkurangnya NPL baru dan hapus kira yang lebih tinggi.

Prospek jangka masa pendek Malaysia kekal menggalakkan walaupun terdapat tanda-tanda trend pertumbuhan global yang lebih sederhana…

Prospek pertumbuhan global dijangka memperlihatkan trend yang lebih mapan dalam suasana harga minyak yang tinggi dan kadar faedah yang terus meningkat. Walaupun pertumbuhan suku ketiga AS terus meningkat disebabkan oleh pelaburan yang bertambah dan penggunaan yang melebihi jangkaan, pertumbuhan ekonomi negara tersebut dijangka menyederhana kepada tahap pengembangan yang lebih mapan memandangkan rangsangan monetari dikurangkan secara perlahan-lahan. Meskipun momentum pertumbuhan di Eropah dan Jepun telah disokong oleh permintaan luar negeri yang kukuh, namun tanda-tanda pertumbuhan eksport yang lebih perlahan mulai timbul. Walau bagaimanapun, di Jepun, keadaan ini dijangka diimbangi oleh permintaan dalam negeri yang lebih kukuh dalam keadaan pasaran pekerjaan yang stabil. Sementara itu, permintaan eksport rantau Asia terus kukuh sungguhpun terdapat sedikit penurunan, khususnya terhadap elektronik, pada penghujung suku ketiga. Prospek pertumbuhan rantau Asia dijangka kekal kukuh disokong terutamanya oleh permintaan dalam negeri yang terus kukuh di kebanyakan negara serantau serta keadaan pasaran pekerjaan yang stabil.

Walaupun terdapat sedikit penyederhanaan dalam trend pertumbuhan global, pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka kekal mapan, dipacu terutamanya oleh sektor swasta berikutan konsolidasi fiskal sektor awam. Beberapa penunjuk pelopor menunjukkan pertumbuhan akan terus menggalakkan. Kadar pertumbuhan Indeks Pelopor bagi bulan Ogos yang bertambah baik menunjukkan pertumbuhan akan terus memuaskan sehingga awal tahun 2005, sementara kenaikan lebih tinggi dalam Indeks Sentimen Pengguna bagi suku ketiga, mencerminkan keyakinan pengguna yang berterusan.

Harga minyak dunia yang terus tinggi juga dijangka memberi kesan ke atas ekonomi Malaysia. Sebagai sebuah negara ekonomi terbuka dan pengeksport bersih minyak yang kecil, Malaysia mempunyai daya tahan yang

lebih kukuh terhadap perkembangan tersebut. Oleh itu, kesan langsung harga minyak yang tinggi telah dan akan terus memberi faedah kepada Malaysia dari segi lebihan dagangan dan hasil pendapatan kasar Kerajaan yang lebih tinggi. Tekanan inflasi dijangka minimum kerana minyak mencakupi bahagian yang kecil dalam kumpulan penggunaan bagi pengguna biasa, manakala kesan "*pass-through"* juga adalah kecil berikutan peningkatan dalam kecekapan dalam penggunaan minyak. Risiko tidak langsung muncul daripada implikasi permintaan luar negeri daripada rakan dagangan Malaysia sekiranya harga minyak berterusan tinggi sehingga tahun 2005. Namun demikian, data perdagangan Malaysia bagi sembilan bulan pertama tahun ini masih lagi kukuh dengan eksport mineral termasuk minyak, menjana pendapatan eksport yang nyata lebih tinggi. Oleh itu, secara keseluruhan, Malaysia dijangka terus mendapat kesan yang positif daripada harga minyak yang tinggi dalam jangka masa terdekat.

Sementara Kerajaan meneruskan proses konsolidasi fiskalnya, pertumbuhan ekonomi akan terus dipacu oleh sektor swasta, terutamanya melalui pengembangan permintaan dalam negeri daripada penggunaan dan pelaburan yang lebih tinggi. Walaupun terdapat jangkaan permintaan global akan menjadi sederhana sedikit, sentimen perniagaan dan pengguna yang positif menunjukkan penggunaan swasta akan kekal menggalakkan, disokong oleh pendapatan yang meningkat dalam keadaan pasaran pekerja yang stabil, sementara tekanan ke atas inflasi dijangka kekal rendah dan dasar monetari terus menyokong pertumbuhan ekonomi. Di samping itu, pelaburan swasta yang meningkat semenjak tahun 2003, akan terus disokong oleh aliran masuk FDI baru dan pelaburan semula. Penunjuk pelaburan ke hadapan menunjukkan trend aktiviti pelaburan yang meningkat, seperti yang digambarkan oleh kelulusan dan pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi termasuk kepada sektor PKS; import barangan modal; penjualan kenderaan perdagangan; serta pengembangan pelaburan untuk meningkatkan kapasiti. Pada masa yang sama, langkah-langkah yang sedang diambil untuk meningkatkan sistem penghantaran Kerajaan dan urus tadbir korporat akan terus mewujudkan suasana pelaburan yang lebih baik. Seterusnya, pelaburan dijangka bertambah dalam bidang pertumbuhan baru seperti

subsektor ICT dan perkhidmatan perkongsian, pertanian serta aktiviti teknologi yang mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi. Sumber pertumbuhan baru yang berpotensi ini juga akan mendapat faedah daripada beberapa insentif yang diperkenalkan dalam Bajet 2005. Secara keseluruhan, sektor perbankan berada pada kedudukan yang teguh untuk menyokong dan membiayai pertumbuhan ekonomi, seperti digambarkan oleh kecukupan modal sistem perbankan yang kukuh, sementara trend nisbah NPL semakin menurun. Pada masa hadapan, faktor-faktor pendorong pelaburan ini akan terus merangsang aktiviti pelaburan swasta yang lebih tinggi.

Dalam suasana potensi global yang kurang memberangsangkan, Malaysia akan terus menyediakan dasar yang akan menyokong proses pertumbuhan di samping memperkukuh keupayaan negara untuk menghadapi perkembangan luaran.

Bank Negara Malaysia
30 November 2004